

Majlis Perjumpaan YB Menteri Pertanian Bersama Peladang MADA (30 Mei 2019)

Majlis Perjumpaan YB Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani bersama Peladang Mada yang telah diadakan di Pekarangan Masjid Sultanah Haminah, Kampung Banggol Besi, Tanjung Radin, Pendang.



Majlis ini diadakan sejurus selesai Mesyuarat Pelaksanaan Halatuju Sektorial Padi dan Beras di Pejabat MADA Wilayah III, Pendang. Peladang di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) turut dirai bagi penyampaian insentif dan juga Majlis Berbuka Puasa bersama peladang dan anak yatim kawasan sekitar Pendang.



Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga merancang untuk menyatukan tanah sawah yang kurang produktif supaya berada di bawah satu tadbir urus yang lebih baik. Datuk Salahuddin Ayub, berkata langkah itu juga sebagai salah satu usaha untuk memajukan tanah

pesawah berkenaan bagi menarik minat golongan muda membabitkan diri dalam sektor pertanian, terutama penanaman padi.



Turut hadir pada majlis tersebut YBhg Dato' Mohd Sallehuddin Bin Hassan, Ketua Setiausaha MOA, Pengerusi-Pengerusi Agensi dan Ketua-Ketua Jabatan serta Agensi MOA yang lain.

